

11/05/2001

KWSP tidak rugi beku sementara Skim Anuiti

SKIM Anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dilancarkan pada 1 Julai tahun lalu, pada zahirnya bertujuan menguntungkan pencarum. Ia adalah pilihan terbaik daripada mengeluarkan caruman dalam jumlah yang besar sekali gus dan kemudian habis dibelanjakan tanpa sebarang simpanan untuk hari tua. Skim Anuiti akan membolehkan seseorang mempunyai pendapatan bulanan sehingga mati. Ia adalah antara usaha KWSP bagi memastikan pencarum, terutama mereka yang tidak mampu mengurus wang dengan berkesan, memperoleh pendapatan tetap selepas bersara selain menjadi pelindung simpanan pencarum daripada risiko turun naik pendapatan dalam pelaburan lain kerana skim itu juga menjanjikan pendapatan bulanan tetap kepada pencarum. Simpanan dalam KWSP adalah satu pelaburan, manakala skim anuiti adalah insurans yang bagaimanapun tidak diwajibkan ke atas semua pencarum.

Atas kefahaman itulah, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada asalnya menyokong skim berkenaan sebelum mengubah pendirian September lalu dengan menggesa semua 240 anggota gabungannya yang mempunyai keanggotaan lebih 540,000 pekerja, memulaukannya. Alasan kongres itu ialah tiada kajian terperinci dijalankan mengenainya selain tidak bersetuju skim berkenaan dikendalikan oleh enam syarikat insurans yang dilantik berbanding oleh KWSP sendiri. Hujah berkenaan diperkuatkan oleh kajian Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang mendakwa pencarum yang menyertai Skim Anuiti tidak mendapat banyak keuntungan, malah lebih baik mengekalkan simpanan mereka dalam KWSP. Namun, di sebalik pertikaian yang berlaku, kira-kira RM1 bilion nilai premium Skim Anuiti sudah dibeli oleh pencarum sehingga akhir tahun lalu sebagai ukuran sambutan menggalakkan.

Kita percaya kajian KWSP terhadap skim itu sejak 1996 lagi turut mengambil kira pelbagai perkara sebelum mengemukakannya kepada Kementerian Kewangan. Cuma, sebagaimana yang ditonjolkan oleh MTUC dan CAP, cara pengendaliannya yang perlu diperkemas agar pulangnya lebih dinikmati oleh pencarum berbanding menguntungkan syarikat insurans terbabit. Andainya benar dakwaan bahawa adalah lebih baik pekerja mengekalkan wang mereka dalam KWSP berbanding menyertai Skim Anuiti, maka ia bukanlah pilihan yang diharapkan pencarum yang mungkin pula berasa diperdayakan. Dalam hubungan ini, tiada ruginya KWSP membekukan sementara skim berkenaan sehingga selesai kajian oleh syarikat perunding yang dilantik bagi memuaskan hati semua pihak.

Sekali lagi jaminan untuk menyelesaikan pelbagai isu yang berkaitan dengan KWSP, termasuk mengembalikan bayaran faedah asal kematian dan hilang upaya, iaitu minimum RM1,000 dan maksimum RM30,000 bergantung pada tahun caruman seseorang pekerja berasaskan purata RM2,000 berdasarkan pindaan tahun lalu, mencerminkan keterbukaan pihak kerajaan agar golongan pekerja mendapat yang terbaik. Ia tidak harus dilihat sebagai sikap kerajaan untuk berlembut hanya sesudah MTUC mengancam untuk melancarkan piket yang dijadualkan esok, tetapi kini dibatalkan berikutan persetujuan terbaru itu. Lebih penting ialah persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menentukan wang KWSP dikendalikan tanpa menimbulkan sebarang keraguan oleh mana-mana pihak dan sewajarnya ia dialu-alukan.

(END)